

13 JUL 2000

Abdullah-Sesat

TUGAS ULAMAK SELESAIKAN MASALAH AJARAN SESAT, KATA PAK LAH

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, pihak ulama yang seharusnya memainkan peranan utama dalam menyelesaikan masalah ajaran sesat.

Beliau berkata, ini kerana ulama lebih mengetahui mengenai soal hukum.

"Kita pula sebagai ahli politik perlu memastikan anggota-anggota kita tidak menyokong, merestui atau berasa simpati terhadap mereka yang terlibat dalam ajaran sesat," katanya ketika diminta mengulas kenyataan PAS bahawa parti itu tidak akan mengambil tindakan terhadap anggotanya yang terlibat dalam kumpulan Persaudaraan Al-Ma'unah.

Bercakap pada sidang media selepas merasmikan Pameran dan Seminar "SMI One Stop Solution 2000" di sini, beliau berkata terserahlah kepada PAS jika mereka mahu anggota-anggota mereka terus mengikut ajaran yang tidak betul itu.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata ancaman yang sebenar terhadap umat Islam ialah orang-orang Islam sendiri yang tidak berfikir panjang dan berbuat sesuatu sesuka hati sehingga menimbulkan masalah.

Timbalan Perdana Menteri berkata, memang ada ancaman yang boleh menyelewengkan akidah.

Pada masa yang sama banyak lagi perkara yang berlaku pada agama Islam yang membawa kepada kegiatan-kegiatan yang boleh mencemarkan agama.

"Bukan setakat itu saja... bermacam lagi... apabila rakyat terikut-ikut dengan cara-cara dan seruan-seruan yang boleh membawa kepada rusuhan, pergaduhan, perbalahan dan kebencian sesama sendiri, ini pun tidak baik juga," katanya.

Abdullah berkata, banyak sebenarnya yang boleh mengancam kestabilan dan keamanan negara ini.

Sambil menegaskan bahawa rakyat mesti menghargai keselamatan dan keamanan yang dinikmati sekarang termasuk daripada segi kebebasan beragama dengan cara yang betul, beliau berkata orang Islam juga diharapkan mengamalkan ajaran Islam yang betul serta menjaga imej negara, imej Islam dan imej umat Islam.

Kepada soalan mengenai bagaimana kejadian seperti yang melibatkan kumpulan Al Ma'unah boleh berlaku, beliau berkata gambaran yang lebih jelas mungkin diperolehi selepas siasatan halus yang dijalankan oleh pihak berkuasa terhadap kumpulan itu.

Ketika ditanya sama ada terdapat anggota Umno yang terlibat dalam kumpulan Al Ma'unah, Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, beliau belum mendapat profil setiap anggota mereka.

Mengenai kenyataan Presiden PAS Datuk Fadzil Nor yang sedia duduk semeja dengan Umno bagi membincangkan usaha untuk mengelakkan berlakunya ajaran sesat dan peristiwa seperti yang berlaku di Sauk baru-baru ini, beliau berkata Umno sedia menimbangkan perkara itu.

Menurut Abdullah bukan setakat ajaran sesat sahaja yang boleh dibincangkan kerana banyak juga kegiatan yang dijalankan yang menggunakan pendekatan agama untuk menimbulkan bermacam-macam masalah kepada rakyat.

"Ada yang memberi ajaran dan fatwa yang tidak betul. Ada pula yang melahirkan kebencian terhadap kerajaan menggunakan agama," dan menambah kata bahawa ada juga penyampaian fakta yang tidak betul dan mengelirukan.

Beliau memberi contoh ada pihak yang sengaja menyebarkan fakta tidak betul kononnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada mengatakan bahawa tidak perlu berterima kasih kepada Rasulullah.

-- BERNAMA
MNY AHH PR